



هوسقئئل سلطن اسماعئل قئئرا
HOSPITAL SULTAN ISMAIL PETRA
KUALA KRAI
KM 6, JALAN KUALA KRAI - GUA MUSANG,
18000 KUALA KRAI, KELANTAN

Telefon : 09-9611666
Fax : 09-9666076
Emel : hospikrai@moh.gov.my
Laman Web : ww.hsip.moh.gov.my

KENYATAAN IKLAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Kementerian Kewangan dalam Gred, Kategori, Pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut.

BIL	NO. SEBUTHARGA	PERKARA	LESEN DAN KELAYAKAN	LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP
1	SH/HSIP / 6 / 2021 /PEMB	SEBUTHARGA KERJA – KERJA PEMBINAAN RUANG RAWATAN COVID-19/SARI/ILI DI JABATAN KECEMASAN TRAUMA DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI HOSPITAL SULTAN ISMAIL PETRA KUALA KRAI.	-BERDAFTAR DAN MEMPUNYAI SIJIL SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA(SSM),CIDB -GRED G2, PENGKHUSUSAN B04, ME-M01 -BUMIPUTERA	TEMPAT : AUDITORIUM ARAS 4, HOSPITAL SULTAN ISMAIL PETRA, KUALA KRAI. TARIKH : 27/4/2021 MASA : 11.00 PAGI HARI : SELASA	TARIKH: 3/05/2021 MASA : 12.00 TGH HARI HARI : ISNIN

1. Dokumen sebutharga boleh diperolehi semasa lawatan tapak yang diadakan pada **27.4.2021(Selasa)**
2. Syarikat yang ingin menyertai sebutharga tersebut dikehendaki membawa bersama Sijil Asal Lembaga Pembangunan Pembinaan Malaysia (CIDB), Sijil PKK, Sijil Kementerian Kewangan Malaysia, serta Sijil Pengiktirafan Bumiputera dan satu salinan bagi ketiga-tiga sijil tersebut tidak dikembalikan bagi tujuan pengesahan pendaftaran semasa lawatan tapak. Pemilik lesen dikehendaki hadir taklimat lawatan tapak. Wakil syarikat tidak dibenarkan.
3. Semua dokumen sebutharga hendaklah diisi dengan lengkap dan dilakri serta ditulis no. sebutharga dan tajuk sebutharga di sudut kiri atas sampul surat. Dokumen sebutharga tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga di Pejabat Pentadbiran aras 4, pada tarikh seperti yang dinyatakan di atas sebelum atau pada **3.5.2021 (Isnin) jam 12.00 tengahari**. Hospital Sultan Ismail Petra tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan atau kehilangan mana-mana tawaran yang dikemukakan melalui pos. Sebutharga yang lewat tidak akan di pertimbangkan.
4. Kementerian Kesihatan Malaysia (Hospital Sultan Ismail Petra) tidak terikat untuk menerima sebutharga dengan harga yang terendah atau mana-mana tawaran sebutharga atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebutharga. Keputusan sebutharga adalah MUKTAMAD.
5. Iklan sebutharga ini boleh juga dirujuk di laman web Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan seperti berikut :-
<http://jknkelantan.moh.gov.my>
6. Sekiranya penyebutharga tidak menerima sebarang jawapan, sama ada melalui surat atau telefon, tawaran penyebutharga secara automatik dianggap GAGAL.
7. Penyebutharga yang berjaya boleh dirujuk di papan kenyataan Hospital Sultan Ismail Petra Kuala Krai dan akan dihubungi oleh pihak Hospital Sultan Ismail Petra Kuala Krai, Kelantan.


8. Tarikh tutup iklan sebutharga adalah pada **3 Mei 2021 jam 12.00 tengahari**.
9. Semasa hari lawatan tapak, tuan/puan **perlu mematuhi SOP dengan memakai pelitup muka(face mask)** serta **seorang sahaja** dari setiap syarikat dibenarkan menghadiri lawatan tapak.
10. Untuk pengesahan kehadiran boleh menghubungi En.Mohd Mardi Bin Hassan/Cik Syahirah Binti Abd Rahman (Unit Kejuruteraan & Pembangunan) ditalian 099611666 samb.1209/1210

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjaklankan amanah


(DR. HJH. ROHANA BINTI DAUD)
MBBS(Manipal), M. Comm. Med (USM)
(No. Pendaftaran Penuh MPM : 34385)
Pakar Perubatan Kesihatan Awam UD56
Pengarah Hospital
Hospital Sultan Ismail Petra
Kuala Krai, Kelantan.